

BERITA HARIAN

DATE: 16/4/2010

Kerjasama perbetul imej Islam

BH-16/04/2010

PM saran institusi strategik AS, Malaysia bergabung jalan kajian bersama

Mior Kamarul
Shahid
di Washington



DATUK Seri Najib Razak mencadangkan dua institusi kajian strategik terkemuka Amerika Syarikat (AS) dan Malaysia bergabung menjalankan kajian untuk membetulkan persepsi mengenai Islam, khususnya di Asia Tenggara.

Perdana Menteri berkata, Pusat Kajian Strategik dan Antarabangsa (CSIS) AS dan Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia perlu melakukan sesuatu untuk membetulkan salah tanggapan itu, di samping mencari jalan mewujudkan kemakmuran, keamanan dan kestabilan masyarakat antarabangsa.

Najib menyatakan perkara itu dalam ucapan bertajuk Hubungan AS-Malaysia: Melihat Ke Depan Sebagai Tonggak Utama Kerjasama, di CSIS di sini, semalam.

"Kurang sedikit daripada suku penduduk dunia adalah umat Islam yang 60 peratus daripadanya menetap di Asia, namun masih berlaku salah faham terhadap mereka. Malaysia aktif menjadi peranan sebagai jambatan menghubungkan antara umat Islam dan masyarakat Barat," katanya.



Najib bersama anggota eksekutif Majlis Perniagaan Amerika Syarikat (USABC) dan Dewan Perniagaan Amerika berbincang cara membawa lebih banyak pelaburan antara Amerika Syarikat dan Malaysia di Washington, semalam.

Pagi semalam, CSIS dan ISIS menandatangani memorandum persefahaman untuk menggalakkan kedua-dua organisasi itu menjalankan kajian dengan memulakan proses dialog secara dinamik.

Dalam sesi dialog selepas itu, Najib berkata, rakyat Malaysia masih memerlukan tempat menyambung pelajaran lanjutan di institusi dan universiti pengajian tinggi di AS, selain United Kingdom (UK).

Pada masa sama, beliau

meminta universiti AS membuka cawangan kampusnya di Malaysia kerana kini hanya cawangan universiti negara lain, termasuk UK dan Australia berbuat demikian.

Perdana Menteri juga berkata, Malaysia dan AS perlu bekerjasama menghadapi bencana alam yang melanda negara Asia dan melihat keperluan besar kerjasama kedua-dua negara bagi tujuan berkenaan.

Katanya, walaupun kedudukan Malaysia agak terlin-

dung daripada bencana alam, keselamatan dan kesejahteraan Malaysia dikaitkan dengan negara jiran.

Beliau berkata, tsunami pada 2004 dan puting beliung Nargis pada 2008 menunjukkan bahawa bantuan dari luar wilayah sangat diperlukan dan rakyat Asia Tenggara menghargai bantuan AS pada saat-saat mereka memerlukan.

Najib juga menyatakan kebimbangannya terhadap isu pemerdagangan manusia yang berlaku pada peringkat

serantau dan global kebela-kangan ini dan menjelaskan Malaysia sudah mengambil beberapa inisiatif mengurus masalah itu, termasuk meluluskan undang-undang mengenainya.

Mengenai pengganas, Najib berkata, Malaysia dan AS walaupun tidak sentiasa bersetuju dalam pendekatan mengurus ancaman kumpulan pengganas, ia tidak seharusnya berterusan apabila secara asasnya mereka bersetuju tahap serius ancaman berkenaan.